

0007

B B772 AAB  
MAHATHIR - UMNO

ALOR SETAR, 24 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA PERPECAHAN JANGAN DIBIARKAN MEREBAK DALAM UMNO KERANA KESANNYA AKAN MENYEBABKAN KEJATUHAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENINGATKAN RAKYAT BAHAWA KEJATUHAN KERAJAAN NEGERI YANG DIDOKONG OLEH UMNO DI KELANTAN PADA 1959 ADALAH JUGA BERPUNCA DARIPADA PERPECAHAN DI KALANGAN PUCUK PIMPINAN PARTI DI NEGERI ITU.

KATANYA, SELAMA 18 TAHUN SELEPAS ITU KERAJAAN YANG DIDOKONG OLEH PAS MEMERINTAH KELANTAN DAN KERAJAAN ITU PUN AKHIRNYA JATUH JUGA AKIBAT PERPECAHAN DI KALANGAN PEMIMPINNYA.

+SAYA KHUATIR, SEKIRANYA PERPECAHAN INI MEREBAK, PERISTIWA DI KELANTAN ITU AKAN BERULANG, MENJADI PERISTIWA DI MALAYSIA,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN KURSUS KEPIMPINAN WANITA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH JITRA, DI SINI, HARI INI.

ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, DAN MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, IALAH ANTARA ORANG KENAMAAN YANG HADIR PADA MAJLIS ITU. -- LAGI  
1639MST 24 11 89

D893

B B776 AAB  
MAHATHIR - UMNO 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANG ADA SEGELINTIR ORANG YANG MENENTANG UMNO PADA MASA INI TETAPI MEREKA ITU BUKAN MENENTANG DASAR DAN PERJUANGAN PARTI TETAPI MENENTANG KERANA BEREPUT HENDAK MENJADI PEMIMPIN UMNO.

BELIAU JUGA MENINGATKAN PENTINGNYA ORANG MELAYU, KHUSUSNYA ANGGOTA UMNO, BERSATUPADU BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM YANG AKAN DATANG.

MENURUT BELIAU, SEPARUH DARIPADA KEKUATAN UMNO TERLETAK PADA PERGERAKAN WANITA UMNO KERANA SEPARUH DARIPADA BILANGAN ANGGOTA UMNO DAN ORANG MELAYU DI NEGARA INI TERDIRI DARIPADA KAUM WANITA.

KATANYA, BANTUAN WANITA UMNO BUKAN SAHAJA DIPERLUKAN SEMASA PILIHAN RAYA UMUM MALAHAN PADA SEPANJANG MASA.

WANITA UMNO, KATANYA, MEMPUNYAI PERANAN TERTENTU, MISALNYA UNTUK +MEMBISIKKAN+ KEPADA KALANGAN WANITA SUPAYA MENYOKONG UMNO KERANA KEGIATAN ITU JIKA DILAKUKAN OLEH KAUM LELAKI MUNGKIN DIPANDANG TIDAK MANIS. -- LAGI

1646MST 24 11 89

D895

B B778 AAB  
MAHATHIR - UMNO 3 ALOR SETAR

MENGENAI TARIKH PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SECARA BERSELOROH, HAMPIR SETIAP HARI BELIAU MERENUNG KE LANGIT UNTUK MENDAPATKAN +ILHAM+ TETAPI SETAKAT INI +BELUM ADA TANDA-TANDA+.

KETIKA BERJUMPA PEMBERITA SELEPAS JAMUAN TENGAH HARI DI RUMAH PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN BERBINCANG DENGAN RAKAN-RAKANNYA DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO BAGI MENETAPKAN SATU PENDIRIAN SEBELUM BERJUMPA PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, BERHUBUNG ISU PERPADUAN MELAYU.

+SEBELUM JUMPA, SAYA PERLU RUNDING DENGAN RAKAN-RAKAN DALAM MAJLIS TERTINGGI SUPAYA SAYA BOLEH DAPATKAN NASIHAT TENTANG PENDIRIAN KITA,+ KATANYA.

BELIAU BAGAIMANAPUN, ENGGAN MENGULAS LAPORAN MUKA DEPAN SEBUAH AKHBAR TEMPATAN HARI INI YANG MENYEBUT TENGGU RAZALEIGH MEMINTA SEKURANG-KURANGNYA SEPARUH DARIPADA 133 JAWATAN KETUA BAHAGIAN UMNO DIBERIKAN KEPADA PENYOKONG PARTI SEMANGAT 46 SEBAGAI SYARAT UNTUK MEMULIHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU.

+KITA BERJANJI TAK AKAN BERUNDING MELALUI SURAT KHABAR, JADI TAK PAYAH JAWAB,+ KATANYA. -- BERNAMA

1650MST 24 11 89